



15 Mei 2014
15 May 2014
P.U. (A) 127

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH FI (VISA SEMASA KETIBAAN) 2014

FEES (VISA ON ARRIVAL) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FI 1951

PERINTAH FI (VISA SEMASA KETIBAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Fi 1951 [*Akta 209*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fi (Visa Semasa Ketibaan) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Mei 2014.

(3) Perintah ini terpakai hanya bagi pelancong yang merupakan warganegara India atau Republik Rakyat China.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“negara ketiga” ertinya negara yang mempunyai pintu masuk ke Malaysia;

“visa semasa ketibaan” ertinya suatu visa yang dikeluarkan di pintu masuk Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 4(*b*).

Fi

3. Fi berjumlah RM330 akan dikenakan bagi pengeluaran visa semasa ketibaan.

Syarat-syarat

4. Visa semasa ketibaan akan dikeluarkan kepada pelancong tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

(*a*) pelancong memasuki Malaysia melalui negara ketiga serta mempunyai visa yang sah untuk memasuki negara itu;

- (b) permohonan untuk visa semasa ketibaan hanya boleh dibuat di pintu masuk yang berikut:
- (i) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (*KLIA*) termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (*KLIA2*);
 - (ii) Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang;
 - (iii) Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor Bahru;
 - (iv) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak; atau
 - (v) Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah;
- (c) kategori pelancong adalah seperti yang berikut:
- (i) pelancong secara berkumpulan;
 - (ii) pelawat bagi tujuan perniagaan; atau
 - (iii) apa-apa kategori lain yang boleh ditentukan oleh Ketua Pengarah Imigresen;
- (d) visa semasa ketibaan adalah sah bagi sekali kemasukan dan pelancong dibenarkan tinggal di Malaysia bagi tempoh tujuh hari bagi setiap kali kemasukan;
- (e) pelancong hendaklah mengemukakan tiket penerbangan pergi dan balik; dan
- (f) pelancong hendaklah mempunyai dalam miliknya jumlah wang sekurang-kurangnya *USD1000* atau amaun yang bersamaan dengannya dalam Ringgit Malaysia.

Dibuat 25 April 2014
[KDN(S):IM 03/1320/19 JLD.3; PN(PU2)86/XVII]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA
Setiausaha Jemaah Menteri

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut seksyen 4 Akta Fi 1951]

FEES ACT 1951

FEES (VISA ON ARRIVAL) ORDER 2014

IN exercise of the powers conferred by section 3 of the Fees Act 1951 [*Act 209*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation, commencement and application

1. (1) This order may be cited as the **Fees (Visa On Arrival) Order 2014**.
- (2) This Order comes into operation on 15 May 2014.
- (3) This Order shall apply only to tourist who is a citizen of India or the People's Republic of China.

Interpretation

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

“third country” means a country with an entry point to Malaysia;

“visa on arrival” means a visa issued at the entry point of Malaysia as provided under paragraph 4(*b*).

Fees

3. A fee of RM330 will be charged for the issuance of visa on arrival.

Conditions

4. Visa on arrival may be issued to the tourist subject to the following conditions:
 - (*a*) the tourist enters Malaysia through a third country and having a valid visa to enter such countries;
 - (*b*) the application for the visa on arrival shall be made only at the following entry points:

- (i) Kuala Lumpur International Airport (KLIA) including Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA2);
 - (ii) Penang International Airport;
 - (iii) Senai International Airport, Johore Bahru;
 - (iv) Kuching International Airport, Sarawak; or
 - (v) Kota Kinabalu International Airport, Sabah;
- (c) the categories of the tourists are as follows:
- (i) tourists in group;
 - (ii) visitors on business purposes; or
 - (iii) any other categories which may be determined by the Director General of Immigration;
- (d) visa on arrival is valid for a single entry and the tourist is permitted to stay in Malaysia for a period of seven days for each entry;
- (e) the tourist shall produce a return air ticket; and
- (f) the tourist shall have in his possession an amount of at least USD1000 or an equivalent amount in Ringgit Malaysia.

Made 25 April 2014
[KDN(S):IM 03/1320/19 JLD. 3; PN(PU2)86/XVII]

By Command

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA
Secretary to the Cabinet

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to section 4 of the Fees Act 1951]